



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**PANDUAN PERMOHONAN VERIFIKASI REKA BENTUK
DANDANG STIM IMPORT
2025**

Kandungan

1.0 PENDAHULUAN	3
2.0 PUNCA KUASA	3
3.0 TAFSIRAN	3
4.0 SKOP PERMOHONAN	3
5.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	4
6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN	5
7.0 DOKUMEN PERMOHONAN	8
8.0 PEMAKLUMAN	9
9.0 FI	9
10.0 PIAGAM PELANGGAN	10
LAMPIRAN 1	11

1.0 PENDAHULUAN

Panduan ini disediakan untuk rujukan pemohon semasa membuat permohonan verifikasi reka bentuk dandang stim import secara atas talian melalui sistem MySKUD. Ini bagi memastikan pemohon mendapat panduan yang tepat dan jelas serta memenuhi syarat-syarat permohonan.

2.0 PUNCA KUASA

Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 (Peraturan LYMPK 2024) diperuntukkan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Seksyen 27B iaitu Menteri boleh menetapkan mana-mana loji yang baginya suatu perakuan kelayakan dikehendaki. Peraturan ini mula **berkuatkuasa mulai 1 Jun 2024**.

Pembangunan panduan ini adalah berdasarkan Seksyen 27C, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dimana Ketua Pengarah boleh menetapkan terma dan syarat yang perlu dipatuhi.

3.0 TAFSIRAN

Menurut Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;

- a) dandang stim ertinya mana-mana bejana tertutup bagi apa-apa maksud yang stim dihasilkan di bawah tekanan yang lebih besar daripada tekanan atmosfera dan termasuklah mana-mana penjimat haba yang digunakan untuk memanaskan air yang disalurkan kepada bejana dan mana-mana pemanas lampau yang digunakan untuk memanaskan stim dan apa-apa paip dan pemasangan yang disambungkan kepada bejana tertutup itu.
- b) Permukaan pemanasan adalah jumlah permukaan semua plat dan tiub yang satu permukaannya terdedah kepada haba dan satu bahagian bersentuhan dengan air pada sebelah yang lain, ukuran dikira pada bahagian air atau api, mana-mana yang lebih besar, dan tidak termasuk permukaan pemanasan mana-mana penjimat haba dan pemanas lampau yang disambungkan kepadanya.

4.0 SKOP PERMOHONAN

- 4.1 Satu permohonan verifikasi reka bentuk adalah bagi **satu (1) jenis model** dandang stim sahaja.

- 4.2 Setiap dandang stim itu baharu, tidak pernah digunakan serta tidak mengalami apa-apa kemerosotan.
- 4.3 Skop permohonan hanya terpakai bagi dandang stim import iaitu yang dibina oleh pengilang asalan dandang stim di luar Malaysia.

5.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 5.1. Setiap dokumen yang dikemukakan mestilah dalam **Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris**. Sebarang terjemahan yang dibuat hendaklah dilakukan oleh pengilang atau Institusi terjemahan yang diiktiraf.
- 5.2. Permohonan verifikasi reka bentuk dandang stim import ini boleh dimohon oleh mana-mana orang.
- 5.3. Reka bentuk, bahan, pembinaan, kualiti pelaksanaan, pemeriksaan dan pengujian dandang stim hendaklah mematuhi standard yang diiktiraf mengikut edisi atau pindaan yang terkini seperti yang disenaraikan dalam Jadual Keempat, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 dan diperakui oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa seperti **Lampiran 1**.
- 5.4. Dandang stim ini pada masa pembinaan hendaklah diselia oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama pada Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024. Perakuan daripada badan pemeriksaan yang diberi kuasa ini hendaklah dikemukakan kepada Pegawai atau Orang Berlesen yang akan menjalankan pemeriksaan ke atas dandang ini.
- 5.5. Bagi dandang stim import yang terdapat aktiviti pembinaan dan pemasangan dandang stim di lokasi pemunya, hanya **orang kompeten (syarikat) yang merupakan pengilang atau pembaikan dan pengubahan atau pembinaan dan pemasangan dandang stim atau pengilang asalan** yang mendapat kebenaran pembina dan pemasang dandang stim daripada Ketua Pengarah sahaja yang dibenarkan untuk membina dan memasang dandang stim ini di lokasi pemunya.
- 5.6. Bagi dandang stim yang terdapat kerja-kerja "*hot work*" seperti pemotongan, kimpalan atau lain-lain pada bahagian "*pressure part*" semasa pembinaan dan pemasangan dandang stim di lokasi pemunya, dandang stim ini pada masa pembinaan dan pemasangan di lokasi pemunya hendaklah diselia oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama pada Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024. Perakuan daripada badan pemeriksaan yang diberi kuasa ini hendaklah dikemukakan kepada Pegawai atau Orang Berlesen yang akan menjalankan pemeriksaan ke atas dandang.

5.7. Penjimat haba (economiser) atau / dan pemanas lampau (superheater)

- a) Penjimat haba (economiser) atau / dan pemanas lampau (superheater) perlu dimohon bersama dandang stim dalam satu permohonan verifikasi reka bentuk dan maklumat penjimat haba (economiser) atau / dan pemanas lampau (superheater) perlu terdapat dalam lukisan susun atur umum dandang stim (GA drawing): Permohonan Verifikasi Reka Bentuk Baharu.
- b) Bagi penambahan penjimat haba (economiser) atau / dan pemanas lampau (superheater) pada dandang stim yang telah mempunyai perakuan kelayakan (CF) : Permohonan Pengubahan dandang stim perlu dibuat.

6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN

Maklumat permohonan verifikasi reka bentuk dandang stim import:

BUTIRAN	NOTA PENERANGAN
KATEGORI PERMOHONAN	
1) Kategori Verifikasi	pilih > Verifikasi Reka Bentuk Dandang Stim Import, dan; pilih > Verifikasi Reka Bentuk Dandang Stim Baru
MAKLUMAT PEMOHON	
2) Nama Pemohon*	Isi maklumat pemohon, permohonan boleh dibuat oleh mana-mana orang.
3) Alamat Pemohon*	Alamat pemohon yang membuat permohonan
4) Nama Orang Boleh Dihubungi*	Nama pegawai syarikat pemohon yang boleh dihubungi
5) No. Telefon*	Nombor telefon pegawai syarikat yang dinyatakan di atas.
6) Emel*	Email pegawai syarikat yang dinyatakan di atas.
7) Nama Pegawai Teknikal*	Nama pegawai teknikal yang mengetahui maklumat teknikal loji yang berkenaan.

BUTIRAN	NOTA PENERANGAN
8) No.Telefon Orang Teknikal Boleh Dihubungi*	Nombor telefon pegawai teknikal yang dinyatakan di atas
9) Email Orang Teknikal Boleh Dihubungi*	Emel pegawai teknikal yang dinyatakan di atas
MAKLUMAT DANDANG DIBINA	
10) Nama Pengilang*	Nama syarikat yang membina dandang stim Contoh: ABC Pvt Limited. Nota: Isikan nama lengkap pengilang dandang stim.
11) Alamat Pengilang*	Alamat syarikat yang membina dandang stim Nota: Isikan alamat lengkap pengilang dandang stim.
MAKLUMAT DANDANG	
12) Kategori Dandang*	Kategori 1 Water Tube Boiler, Heat Recovery Steam Generator, Coal Fired Boiler, Waste Heat Boiler, Fire Tube Boiler, High Pressure Boiler, Combi Boiler, Tubeless Boiler, Once Through Boiler Kategori 2 Dandang Stim Elektrik, Autoklaf, Ketuhar Tiub Stim, Plat Panas Tiub Stim
13) Model*	Isikan maklumat model dandang stim seperti di lukisan reka bentuk Isikan (-) jika tidak berkaitan
14) Tahun Dibina*	Isikan tahun dandang stim dibina
15) Kapasiti (m ³)	Isikan maklumat isipadu dandang stim Isikan (-) jika tidak berkaitan
16) Keupayaan Cairwapan (tan per jam)*	Isikan maklumat kapasiti dandang stim Isikan (-) jika tidak berkaitan
17) Kuasa Pemanas (kW)	Isikan maklumat kuasa pemanas dandang stim Isikan (-) jika tidak berkaitan (selain autoklaf dan dandang stim elektrik)

BUTIRAN	NOTA PENERANGAN
18) No. Lukisan Reka Bentuk	Isikan nombor lukisan reka bentuk dan revision lukisan
MAKLUMAT SUHU, TEKANAN REKA BENTUK DAN UJIAN	
19) Tekanan Reka Bentuk (kPa)*	Isikan maklumat tekanan reka bentuk dalam unit kilopascal (kPa) seperti di lukisan reka bentuk.
20) Permukaan Pemanasan (m ²)*	Isikan jumlah permukaan pemanasan keseluruhan dandang stim Isikan (-) jika tidak berkaitan (autoklaf dan dandang stim elektrik)
21) Suhu Reka Bentuk*	Isikan maklumat suhu reka bentuk seperti di lukisan reka bentuk
22) Standard Yang Diiktiraf*	Isikan maklumat standard yang diiktiraf (kod reka bentuk) mengikut edisi atau pindaan yang terkini sepertimana Jadual Keempat, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024.
23) Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa*	Pilih maklumat badan pemeriksaan yang diberi kuasa yang diiktiraf Jabatan seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024. Isikan (-) jika tidak berkaitan
MAKLUMAT PEMILIK	
24) Nama Pemilik	Isikan maklumat pemilik, jika tiada pemilik sila masukkan perkataan Simpanan
MAKLUMAT PEPASANGAN PERLU	
25) Pemasangan Perlu*	Isikan maklumat pemasangan perlu yang terdapat dalam lukisan rekabentuk sepertimana Jadual Kelapan, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 dan standard yang diiktiraf yang digunakan untuk membina dandang stim.

7.0 DOKUMEN PERMOHONAN

Sila muat naik dokumen yang diperlukan untuk permohonan verifikasi reka bentuk dandang stim seperti berikut:

DOKUMEN <i>DOCUMENTS</i>	NOTA PENERANGAN <i>EXPLANATORY NOTES</i>
1) Sijil penilaian reka bentuk oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa*	Sijil penilaian reka bentuk oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa yang diwartakan dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024. *Sijil penilaian reka bentuk Badan pemeriksaan yang diberi kuasa tidak dikehendaki bagi autoklaf.
2) Lukisan reka bentuk yang ditentukan oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa*	Lukisan reka bentuk termasuk lukisan susun atur umum (GA) dan lukisan terperinci setiap bahagian bertekanan yang ditentukan oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa. Lukisan reka bentuk hendaklah lengkap dengan maklumat-maklumat seperti berikut: a. Data reka bentuk seperti tekanan reka bentuk, suhu reka bentuk, tekanan operasi, suhu operasi, tekanan ujian dan jenis ujian tekanan, standard yang diiktiraf terkini, ujian tanpa musnah (NDT), media kerja, permukaan pemanasan, kuasa memanaskan, keupayaan cairwapan dan lain-lain. b. Dimensi utama. c. Perincian kimpalan. d. Orientasi, dimensi dan fungsi untuk setiap 'nozzle'. e. Spesifikasi bahan binaan. f. Pemasangan perlu. * Penentuan badan pemeriksaan yang diberi kuasa tidak dikehendaki bagi lukisan reka bentuk autoklaf.
3) Kiraan reka bentuk*	Kiraan reka bentuk berdasarkan standard yang diiktiraf yang terkini sepertimana Jadual Keempat, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 serta ditentukan oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa. * Penentuan badan pemeriksaan yang diberi kuasa tidak dikehendaki bagi pengiraan reka bentuk autoklaf.

4) Diagram Perpaipan dan Instrumentasi (P&ID) *	Untuk Autoklaf dan Dandang Stim Elektrik sahaja.
5) Plat nama *	Untuk Autoklaf dan Dandang Stim Elektrik sahaja.
6) Katalog	Mengandungi spesifikasi teknikal seperti kuasa memanans (kW) dan kapasiti (m3) (untuk Autoklaf dan Dandang Stim Elektrik yang diimport sahaja).
7) Lain-lain dokumen	Lain-lain dokumen.

8.0 PEMAKLUMAN

- 8.1 Sebarang permohonan yang tidak lengkap akan ditolak.
- 8.2 Pihak Jabatan boleh menolak permohonan atau menarik balik verifikasi pada bila-bila masa jika didapati :
- a) Tidak memenuhi atau melanggar mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah berdasarkan Seksyen 27c.(3), Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 seperti yang telah dinyatakan di dalam surat verifikasi; atau
 - b) Memalsukan dokumen dan maklumat permohonan; atau
 - c) Telah melanggar mana-mana syarat syarat-syarat lain yang dikeluarkan oleh JKKP dari semasa ke semasa
- 8.3 Setiap dandang stim hendaklah diuji sebagaimana yang ditetapkan dalam verifikasi reka bentuk sebelum dikendalikan dan disaksikan oleh Badan pemeriksaan yang diberi kuasa seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama pada Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024.

9.0 FI

Berikut merupakan jenis dan jumlah fi yang perlu dibayar oleh pemohon bagi permohonan verifikasi reka bentuk dandang stim:

BIL	PERKARA	FI (RM)
1.	Proses bagi verifikasi reka bentuk bagi dandang stim (setiap unit reka bentuk)	
	Kategori 1	
	(a) Permukaan pemanasan kurang daripada 50 meter persegi	RM 500
	(b) Permukaan pemanasan 50 meter persegi dan ke atas tetapi kurang daripada 100 meter persegi	RM 1,000
	(c) Permukaan pemanasan 100 meter persegi dan ke atas tetapi kurang daripada 250 meter persegi	RM 1500
	(d) Permukaan pemanasan 250 meter persegi dan ke atas	RM 2,500
	*Fi yang dikenakan adalah berdasarkan jumlah permukaan pemanasan dandang stim sahaja dan tidak termasuk penjimat haba (economizer) dan pemanas lampau (superheater)	
	Kategori 2	
	Dandang stim elektrik, ketuhar tiub stim, plat panas tiub stim atau autoklaf.	RM 300

Apa-apa fi yang dibayar bagi permohonan ini tidak boleh dibayar balik.

10.0 PIAGAM PELANGGAN

Permohonan yang dikemukakan dengan dokumen lengkap akan diproses dalam tempoh 25 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima.

**Unit Dandang Stim
Seksyen Kelulusan Reka Bentuk
Bahagian Keselamatan Industri
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Ruj. Kemaskini: 1/2025**

**PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(LOJI YANG MENGHENDAKI PERAKUAN KELAYAKAN) 2024**

PERAKUAN BADAN PEMERIKSAAN YANG DIBERI KUASA

Saya
Ahli / Pemeriksa dari
Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan
Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024,
dengan ini memperakui bahawa dandang stim dengan No.
Siri.....
yang telah dibina oleh.....
untuk.....
berdasarkan nombor lukisan reka
bentuk.....
dengan tekanan reka bentuk kPA telah diperiksa pada masa ia
dibina berdasarkan standard yang diiktiraf iaitu..... seperti
tertakluk dalam Jadual Keempat, Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan
(Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024, dan didapati mutu serta kualiti kerjanya
adalah baik.

Sampel bahan-bahan yang digunakan telah diuji atau disaksikan di hadapan Pemeriksa ini dan
sampel itu didapati menurut peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di dalam standard yang
diiktiraf di atas. Saya memperakukannya dengan cap seperti berikut:

.....
.....

Bertarikh pada:

.....

Tandatangan Ahli/Pemeriksa

.....

Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa